

31/07/2002

Penerbit komik disaran kemuka watak tempatan

SHAH ALAM, Selasa - Penerbit komik di negara ini disaran lebih banyak mengetengahkan watak berciri tempatan bagi mengimbangi pengaruh komik dari luar yang hanya bermatlamat menonjolkan pemikiran dan budaya masyarakat Barat.

Pengarah Urusan Creative Enterprise, Jaafar Taib, berkata komik dari Barat, Hong Kong dan Taiwan menerapkan elemen yang tidak sesuai dengan budaya dan arah tuju bangsa di negara ini malah lebih mengagungkan kuasa dan pengaruh luar.

Sehubungan itu, katanya, komik terbitan anak Malaysia wajar dijadikan wadah untuk mengubah pemikiran masyarakat tempatan melalui watak tertentu yang mempunyai nilai tempatan.

"Saya berharap penerbit komik seperti DNA Revolution Sdn Bhd yang menghasilkan Urban Comics dapat menggunakannya sebagai saluran untuk mengubah pemikiran masyarakat dan mewujudkan watak tempatan sebagai contoh," katanya ketika melancarkan Urban Comics - Revolusi Komik Tanah Air di ruang legar Menara Sultan Abdul Aziz Shah, Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Majlis itu dianjurkan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Massa (Pengiklanan) Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Shah Alam.

Turut hadir, Dekan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Shah Alam, Dr Azizul Halim Yahya dan Pengarah Penerbitan Urban Comics, Muhammad Azhar Abdullah.

Urban Comics adalah sentuhan sekumpulan tujuh anak muda iaitu Muhammad Azhar, Fythullah Hamzah, Mahathir Buang, Ar Rohim Ahmad, Aadi Salman Ayob Khan, Muhammad Fahimi Maidin dan Mohd Yusrizal Mohd Yusof, menggunakan teknologi digital.

Pada majlis itu juga Jaafar melancarkan laman web baru Urban Comics iaitu www.urbancomics.com merangkumi pelbagai aspek yang mencerminkan keunikan pada Urban Comics dan kartunis terbabit.

Muhammad Azhar berkata, setakat ini sambutan peminat menggalakkan apabila 15,000 naskah diterbitkan setiap bulan.

"Sebelum ini, kita bergerak tanpa publisiti tetapi selepas ini strategi DNA Revolution adalah untuk meningkatkan promosi dengan mensasarkan pembaca muda termasuk profesional, penuntut kolej dan sekolah tinggi.

"Matlamat kita untuk mengimbangi bahan bacaan komik dari luar negara seperti Jepun, Hong Kong dan Amerika Syarikat dengan melahirkan komik yang menonjolkan persekitaran tempatan agar lebih dekat dengan pembaca," katanya.